

- 1 Gambar 1 berkaitan kaedah perniagaan organisasi bukan bermotifkan untung.



Gambar 1

Apakah kaedah perniagaan tersebut?

- A Jualan pada harga kos
  - B Jualan pada harga semasa
  - C Jualan pada harga atas kos
  - D Jualan pada harga bawah kos
- 2 Gambar 2 berkaitan dengan satu bentuk perniagaan lain.



Gambar 2

Apakah peranan pemilik yang menggunakan jenama perniagaan tersebut?

- A Membayar fi perniagaan
- B Menyediakan khidmat latihan
- C Memberikan hak penggunaan imej
- D Membantu melaksanakan strategi pemasaran

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan pengangkutan barang.

- ✓ 34 orang pekerja tetap
- ✓ Jualan tahunan sebanyak RM 3.2 juta

Manakah klasifikasi yang betul bagi perniagaan tersebut?

	Saiz	Sektor
A	Kecil	Sekunder
B	Kecil	Tertier
C	Sederhana	Sekunder
D	Sederhana	Tertier

- 4 Antara yang berikut, manakah yang berkaitan skala negeri?
- I Syafik menggunakan perkhidmatan lori untuk menghantar barang ke sekitar kawasan di Pahang
  - II Trak makanan Mee Rebus Jempol beroperasi di tapak pasar malam Senawang, Negeri Sembilan
  - III Barangan kraftangan Sarawak yang dihasilkan oleh Gilbert dijual melalui laman sesawang
  - IV Syarikat Megah mempunyai tiga buah pasar raya yang beroperasi di Rembau dan Seremban
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 5 Maklumat berikut berkaitan peranan sebuah agensi kerajaan.

- Menyediakan latihan keusahawanan kepada organisasi
- Mempertingkatkan pembangunan sumber tenaga manusia

Apakah agensi tersebut?



- 6 Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?
- A Memberi pelepasan cukai perniagaan
  - B Menggubal undang-undang kepenggunaan
  - C Melaksanakan dasar pembangunan setempat
  - D Mengeluarkan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan

- 7 Pernyataan berikut berkaitan trend persekitaran perniagaan.

Trend menurun menunjukkan operasi perniagaan semakin merosot disebabkan oleh faktor dalaman.

Manakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Permintaan berkurang akibat perubahan cita rasa pengguna
  - B Situasi banjir menyebabkan kesukaran mendapatkan bahan mentah
  - C Keadaan ekonomi yang lembab disebabkan penularan wabak covid-19
  - D Pengambilan pekerja yang kurang berkemahiran menjejaskan produktiviti
- 8 Maybank Berhad menawarkan kemudahan kad kredit kepada pelanggannya untuk pelbagai urusan transaksi perniagaan.
- Apakah jenis pasaran yang berkaitan dengan situasi tersebut?
- A Pasaran untuk semua
  - B Pasaran kewangan
  - C Pasaran produk
  - D Pasaran baharu
- 9 Apakah gaya pengurusan yang boleh mewujudkan tingkah laku pekerja yang sukar dikawal?
- A Sederhana
  - B Sokongan
  - C Demokratik
  - D Laissez-faire
- 10 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan misi?
- I Pernyataan matlamat sesebuah perniagaan
  - II Penetapan perancangan aktiviti perniagaan
  - III Panduan dalam membuat keputusan
  - IV Perancangan jangka masa panjang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 11 Maklumat berikut berkaitan matlamat sebuah organisasi.

Organisasi S
Memberi tumpuan kepada aktiviti perkhidmatan kemasyarakatan

Bagaimanakah organisasi S memperoleh sumber kewangan perniagaan?

- A Mendapatkan sumbangan daripada orang awam
  - B Menerima peruntukan kerajaan melalui pelepasan cukai
  - C Menerima pembiayaan daripada pelbagai agensi kewangan
  - D Mendapatkan hasil jualan yang sentiasa melebihi kos pengeluaran
- 12 Dialog berikut berkaitan satu ciri-ciri objektif perniagaan.

Felix : Muhaimin, bagaimana kita nak pastikan objektif perniagaan yang kita tetapkan boleh tercapai?
Muhaimin : Saya rasa kita perlu menetapkan suatu jangka masa tertentu bagi memastikan objektif kita tercapai seperti yang kita harapkan.

Pernyataan manakah yang menggambarkan ciri-ciri objektif tersebut?

- A Menyatakan matlamat perniagaan secara khusus
  - B Menggunakan carta gantt dalam operasi perniagaan
  - C Menggunakan sumber perniagaan dengan optimum
  - D Menyatakan sasaran perniagaan secara kuantitatif
- 13 Antara yang berikut, faktor manakah yang perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan visi perniagaan?
- I Daya saing
  - II Syer Pasaran
  - III Lokasi
  - IV Penggajian
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


- 14 Produk pada gambar 3 perlu melalui saluran agihan untuk sampai kepada pengguna.



Gambar 3

Apakah saluran agihan yang sesuai digunakan bagi produk tersebut?

- A Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna  
 B Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna  
 C Pengeluar → peruncit → pengguna  
 D Pengeluar → pengguna
- 15 Rajah 1 merupakan peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia.



Rajah 1

Apakah peranan **X**?

- A Membentuk polisi berkaitan dengan pembangunan kerjaya pekerja  
 B Membantu menyelesaikan pertikaian semasa proses rundingan  
 C Menyediakan kemudahan kepada pekerja semasa bertugas  
 D Melaksanakan program induksi untuk pekerja baharu

- 16 Gambar 4 berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.



Gambar 4

Apakah kelemahan penggunaan aplikasi tersebut dalam perniagaan?

- A Kos promosi yang mahal
  - B Liputan pasaran yang terhad
  - C Memanupulasi maklumat produk
  - D Terdedah kepada penipuan pembayaran
- 17 Maklumat berikut berkaitan proses aliran maklumat.

Menukar sesuatu idea dalam bentuk lukisan

Apakah proses tersebut?

- A Maklum balas
  - B Saluran
  - C Dekod
  - D Enkod
- 18 Pernyataan berikut berkaitan satu langkah pembangunan produk dan pasaran baharu.

***“Proses pembuatan barangan prototaip”***

Apakah langkah tersebut?

- A Ujian pemasaran
  - B Analisis perniagaan
  - C Pembangunan produk
  - D Komersialisasi
- 19 Manakah pernyataan yang betul berkaitan definisi pengurusan sumber manusia?
- A Membangunkan tenaga kerja dalam sesebuah organisasi
  - B Menawarkan perkhidmatan kepada pengguna akhir
  - C Mewujudkan interaksi antara pelanggan dan pembekal
  - D Menghasilkan produk yang memenuhi citarasa pengguna

- 20 Gambar 5 berikut berkaitan peranan pengurusan sumber manusia.



Gambar 5

Apakah peranan yang wujud berkaitan gambar tersebut?

- A Pemberian insentif munasabah
  - B Pemantapan budaya profesional
  - C Pengrekrutan pekerja berkelayakan
  - D Pembangunan pasukan mencapai sasaran
- 21 Petikan berikut berkaitan aplikasi peranan pengurusan sumber manusia sebuah organisasi.

KUALA LUMPUR: Media Prima Berhad menerima pengiktirafan organisasi kerana komited menawarkan persekitaran kerja dan membuka peluang pembangunan kerja terbaik untuk semua kakitangan.

*Sumber diubah suai daripada <https://www.hmetro.com.my/media> 14 Oktober 2017*

Antara yang berikut, manakah peranan yang diaplikasikan oleh organisasi tersebut?

- I Menyediakan tempat kerja yang kondusif
  - II Memantapkan amalan kerja beretika
  - III Meningkatkan pengetahuan pekerja secara berkesan
  - IV Menyelesaikan masalah pekerja dalam penggunaan perisian
- A I dan IV
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV

- 22 Gambar 6 menunjukkan sejenis sumber dalam perniagaan.



Gambar 6

Apakah tujuan mengurus sumber tersebut?

- A Mempercepatkan urusan perniagaan
  - B Menghasilkan produk yang berkualiti
  - C Menawarkan pengeluaran produk yang efektif
  - D Memastikan produk tersedia apabila diperlukan
- 23 Gambar 7 berkaitan dengan satu prosedur mengurus sumber perniagaan.



Gambar 7

Manakah yang berkaitan dengan prosedur tersebut?

- A Penyelenggaraan mengikut jadual
- B Perlindungan insurans perniagaan
- C Piawaian keselamatan operasi
- D Pelaksanaan baik pulih alatan



24 Gambar 8 berkaitan sejenis sumber teknologi.



Gambar 8

Mengapakah reka bentuk produk tersebut perlu didaftarkan?

- A Mengelakkan aktiviti cetak rompak idea
- B Mendapatkan perlindungan undang-undang
- C Menjamin keselamatan pengguna jalan raya
- D Menuntut ganti rugi jika berlaku kemalangan

25 Apakah prosedur yang perlu dilakukan bagi melindungi sebuah filem animasi tempatan?

- A Mendaftar pengurusan paten
- B Mendapatkan Hak cipta terpelihara
- C Memperoleh perlindungan insurans
- D Membuat penyelenggaraan terancang

26 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan.

- Keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan
- Digunakan oleh perniagaan sebagai modal pusingan

Apakah sumber pembiayaan tersebut?

- A Overdraf
- B Pajakan
- C Rizab
- D Syer

- 27 Gambar 9 merujuk kepada sejenis sumber pembiayaan.



Gambar 9

Apakah kelebihan sumber pembiayaan tersebut?

- A Penjamin diperlukan sebagai sokongan
  - B Kos penyelenggaraan ditanggung oleh pembiaya
  - C Barang bernilai tinggi dapat digunakan dengan segera
  - D Kenderaan menjadi hak milik selepas bayaran pendahuluan
- 28 Agensi kerajaan manakah yang mengamalkan konsep pinjaman atas simpanan?
- A MARA
  - B MOSTI
  - C TEKUN
  - D CGC
- 29 Dokumen penyata kewangan berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

**M2N Enterprise**  
**Penyata Aliran Tunai bagi dua bulan berakhir 28 Februari 2022**

Butiran	Januari (RM)	Februari (RM)
Baki b/b	5 000	7 000
Jualan	8 000	10 000
Pinjaman bank	-	5 000
	8 000	15 000
Belian	5 500	7 000
Sewa	500	500
	6 000	7 500
Baki h/b	7 000	14 500

Apakah kegunaan penyata tersebut?

- A Dapat menunjukkan keupayaan perniagaan menjelaskan hutang
- B Untuk melihat kedudukan kewangan perniagaan yang baik
- C Dapat mengenalpasti untung atau rugi dalam perniagaan
- D Untuk membuat penilaian jumlah ekuiti pemilik

- 30 Butiran berikut diambil daripada perniagaan Kilang Tayar Lim Tah.

	RM
Kos jualan	220 000
Jualan	500 000
Stok pada 1 Januari 2021	75 000
Stok pada 31 Januari 2021	85 000

Berapakah kadar pusing ganti stok?

- A 1.37 kali
  - B 2.75 kali
  - C 3.12 kali
  - D 5.88 kali
- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Kedai Bunga Cinta.

Nisbah kecairan pada tahun 2021 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2022

Apakah punca berlakunya perubahan tersebut?

- A Jualan tunai semakin meningkat
  - B Belian tunai semakin bertambah
  - C Untung bersih semakin banyak
  - D Liabiliti semakin meningkat
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.

Usahawan perlu bijak menetapkan visi dan misi serta memberi perhatian sepenuhnya untuk menjayakan perniagaan.

Apakah kekuatan tersebut?

- A Fokus tenaga dan tumpuan
  - B Keupayaan membina jenama
  - C Perhubungan baik dengan pasangan
  - D Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu
- 33 Pernyataan berikut berkaitan faktor penyumbang bagi memulakan perniagaan.

Syarikat Vanneey Toys telah menetapkan kumpulan sasaran untuk meningkatkan jualan produk baharu bagi permainan bayi terkini.

Apakah faktor tersebut?

- A Kemahiran
- B Pemasaran
- C Lokasi sesuai
- D Bantuan profesional

- 34 Perniagaan manakah yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016?
- A Fumass Enterprise
  - B Koperasi Sendayan Berhad
  - C Perusahaan Pelangi Berhad
  - D Perniagaan Mamu Bersaudara
- 35 Apakah urutan prosedur pemerbadanan syarikat persendirian?
- I Mengisi borang pendaftaran syarikat
  - II Membuat pelantikan setiausaha syarikat
  - III Mendapatkan notis pemerbadanan syarikat
  - IV Membuat permohonan carian nama syarikat
- A I, II, III dan IV
  - B II, III, IV dan I
  - C III, IV, I dan II
  - D IV, I, III dan II
- 36 Manakah rekod yang digunakan untuk menyimpan bil utiliti dan penyata gaji pekerja?
- A Rekod jualan
  - B Rekod ambilan
  - C Rekod kos operasi
  - D Rekod transaksi bank
- 37 Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai bagi sebuah perniagaan.

Bulan	Butiran	RM
Mac	Modal	11 000
	Gaji	8 200
	Insurans	1 200
	Jualan	24 300
	Promosi	800

Berapakah jumlah penerimaan bagi perniagaan tersebut?

- A 20 400
- B 25 500
- C 34 500
- D 35 300

38 Gambar 10 berkaitan dengan kaedah promosi.



Gambar 10

Antara yang berikut, kaedah promosi manakah yang berkaitan?

- I Publisiti
  - II Pengiklanan
  - III Promosi jualan
  - IV Jualan langsung
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 39 Maklumat berikut berkaitan senarai semak elemen dalam rancangan perniagaan.

<b>RANCANGAN PERNIAGAAN</b>	
√	Ringkasan Eksekutif
√	Pengenalan
√	Latar Belakang Perniagaan
√	Rancangan Pentadbiran
√	<b>Y</b>
√	Rancangan Pemasaran
√	Rancangan Kewangan
√	Penutup
√	Lampiran

Antara yang berikut, butiran manakah yang terdapat dalam elemen Y?

- I Analisis industri
- II Carta alir proses
- III Susun atur ruang niaga
- IV Bentuk insentif pekerja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Apakah tujuan utama usahawan menyediakan rancangan perniagaan?
- A Membuka peluang pekerjaan
  - B Memperoleh sumber pembiayaan
  - C Mengelakkan kerugian perniagaan
  - D Memudahkan rujukan pihak pembekal

### SOALAN TAMAT